

BENTUK KERTAS SOALAN

Kertas mata pelajaran Bahasa Melayu 2 mengandungi 4 soalan. Calon wajib menjawab kesemua soalan dalam masa 2 1/2 jam. Soalan 1 menguji kefahaman calon tentang rumusan. Soalan 2 menguji pemahaman calon yang dibahagikan kepada 4 pecahan soalan iaitu pemahaman petikan rumusan, petikan cerpen/drama, petikan prosa klasik dan petikan puisi. Soalan 3 menguji pengetahuan dan kemahiran bahasa. Soalan 4 menguji pemahaman berdasarkan teks Komponen Kesusasteraan Melayu Tingkatan 4 dan 5. Jawapan calon boleh ditulis dalam tulisan rumi dan jawi.

PRESTASI KESELURUHAN

Prestasi calon pada keseluruhannya pada tahap baik. Calon-calun dapat menguasai kemahiran berbahasa dengan baik. Jawapan-jawapan calon memenuhi kehendak tugas soalan. Penguasaan sistem ejaan pada amnya baik. Penguasaan aspek tatabahasa dan pembinaan ayat juga adalah pada tahap memuaskan. Calon-calun juga dapat menguasai aspek-aspek komponen sastera dengan baik. Penyampaian jawapan calon menunjukkan kematangan, isi yang mencukupi dan mengikut kehendak soalan.

PRESTASI MENGIKUT KUMPULAN CALON**Calon Dalam Kumpulan Tinggi**

Jawapan calon jitu dan menepati kehendak soalan. Calon menghuraikan jawapan dengan terperinci, jelas, bernas dan menunjukkan kematangan. Isi jawapan calon mencukupi. Jawapan mudah difahami kerana penyampaiannya lancar dan gramatis serta tiada kesalahan bahasa mahu pun ejaan.

Calon Dalam Kumpulan Sederhana

Jawapan masih memenuhi kehendak soalan tetapi kurang terperinci dan tidak lengkap. Isi jawapan calon kurang. Penyampaian masih baik tetapi terdapat beberapa kesalahan dari segi tatabahasa dan ejaan.

Calon Dalam Kumpulan Rendah

Calon hanya menjawab beberapa soalan. Jawapan pula tidak tepat, kurang isi, atau samar-samar serta bercampur-aduk. Terdapat jawapan yang menyimpang dan tidak berkaitan dengan kehendak soalan. Penyampaian jawapan kurang lancar dan kurang tersusun. Kesalahan tatabahasa dan ejaan masih ketara.

PRESTASI TERPERINCI

Soalan 1: Rumusan

Kekuatan

Pendahuluan yang diberi oleh calon lengkap dan menepati kehendak soalan. Bahasa dan ayat yang digunakan oleh calon gramatis. Tiada kesalahan ejaan atau tatabahasa. Kebanyakan calon dapat mengemukakan isi tersurat dengan baik. Jumlah isi tersurat mencukupi. Calon-calun juga dapat mengesan isi tersirat dan mengemukakannya dalam jawapan secara tepat. Calon yang cemerlang dapat mengemukakan isi tersurat dan tersirat yang mencukupi dan jawapan dalam lingkungan 120 patah perkataan. Kebanyakan calon dapat mengemukakan jawapan kesimpulan dengan baik. Calon menjawab dengan memberikan cadangan atau saranan serta kesan cadangan tersebut. Jawapan dikemukakan dalam rangka yang lengkap iaitu mengandungi pendahuluan, isi tersurat, isi tersirat dan kesimpulan. Contoh skrip adalah seperti berikut:

(Petikan membincangkan kebaikan penubuhan badan khas bagi membantu pesakit kronik dan kepentingan penubuhannya. Antara kebaikan ialah pesakit kronik tidak perlu membuat rayuan kepada orang ramai kerana rawatan segera dapat dibayai. Penderita dapat menyalurkan sumbangan secara sistematik kepada badan berkenaan. Pesakit kronik tidak perlu merayu simpati orang ramai melalui media. Gagasan masyarakat penyayang menjadi lebih aktif, proaktif dan komprehensif. Semua pesakit kronik dapat memperoleh manfaat. Selain itu, keperluan bantuan sebagai pesakit dapat ditentukan dari segi jenis, kos dan tempat rawatan. Wang yang disumbangkan dapat dimanfaatkan sepenuhnya. Sebab-sebab penubuhannya ialah pesakit kronik semakin bertambah di negara kita. Bantuan kewangan dan darma sukai dapat. Masyarakat penyayang dapat diwujudkan. Kesimpulannya, badan khas harus ditubuhkan agar dapat membantu pesakit kronik di negara dan mewujudkan masyarakat penyayang.)

Kelemahan

Calon gagal memahami tugas soalan. Terdapat juga calon yang menjawab pendahuluan cara lama dengan hanya menulis satu elemen sahaja. Calon menulis pendahuluan tanpa menfokus kepada kehendak soalan dan ditulis secara umum sahaja. Hanya menyalin ayat pertama dalam petikan dan dijadikan sebagai isi pendahuluan. Contoh kelemahan pendahuluan adalah seperti berikut:

Petikan membincangkan faedah penubuhan badan khas bagi membantu pesakit kronik dan langkah-langkahnya. P16

Antara faedah-faedahnya ialah, membolehkan pesakit-pesakit kronik mendapat bantuan kewangan. Dapat membiayai rawatan segera. Dapat menyalurkan sumbangan secara sistematik. Bantuan dapat disalurkan secara lebih tersusun, terhormat, dan Edus. Pesakit kronik tidak perlu memainkan sentimen simpati orang ramai melalui media. Gagasan masyarakat penyayang dapat dilihat lebih adil, proaktif, dan komprehensif. Mengurangkan beban badan. Menumpukan perhatian kepada golongan yang tidak berupaya. Sebab-sebab penubuhannya ialah, membantu mereka yang susah. Menggerakkan silaturahim. Mengurangkan beban keluarga pesakit. Melahirkan masyarakat yang prihatin dan penyayang.

Kesimpulannya, semua pihak terutamanya masyarakat perlulah bekerjasama untuk merealisasikan badan khas ini supaya penyakit kronik ini dapat diubati dan melahirkan sebuah negara penyayang. P17

Ayat jawapan yang dikemukakan oleh calon tidak lengkap. Terdapat calon yang menukarkan perkataan dalam petikan sehingga mengubah maksudnya. Calon menggabungkan beberapa isi dalam satu ayat hingga menyebabkan isi yang diberikan tidak jelas. Terdapat calon yang gagal mengemukakan isi tersirat. Calon tidak mahir mengesan isi tersirat. Calon tidak menyatakan sebab, sebaliknya menyatakan faedah atau kesan penubuhan badan khas. Calon tidak memahami skop atau fokus isi tersirat. Calon banyak mengambil semula isi tersurat dalam petikan sebagai isi tersirat. Calon masih terpengaruh dengan cara lama menulis isi tersurat dan mengaitkannya dengan isi tersirat. Terdapat calon yang hanya menyatakan satu unsur sahaja dalam membuat kesimpulan yang kebanyakannya berupa cadangan. Ada juga calon mengemukakan kesimpulan yang tiada kaitan langsung dengan isi keseluruhan rumusan. Calon menyatakan isi kesimpulan, tetapi sebenarnya adalah isi tersurat. Ada calon menulis kesimpulan tepat, tetapi telah melebihi 120 patah perkataan. Rujuk skrip jawapan calon ini:

Kesan-kesan penubuhan badan khas membolehkan pesakit-pesakit kronik mendapat bantuan kewangan. Badan khas ini juga mempunyai perkhidmatan pesakit kronik, badan-badan yang ingin menderma dapat menyalurkan sumbangan.

Antara punca-puncanya ialah pesakit kronik tidak perlu memainkan sentimen simpati orang ramai melalui media. Semua penghidap penyakit kronik akan memperoleh manfaat dan bukan hanya pesakit kronik yang mempunyai kedudukan tertentu sahaja.

Kesimpulannya, kewujudan masyarakat penyayang yang mampu melindungi kebajikan anggotanya yang dapat merupakan salah satu ciri penting sebuah negara penyayang.

Soalan 2: Pemahaman

Soalan 2(a): Petikan Umum

Kekuatan

Calon menjawab dalam ayat yang lengkap dan tidak membuat kesilapan tatabahasa. Jawapan yang diberi tepat. Calon dapat memahami petikan asal dengan baik. Ejaan, tatabahasa dan tanda baca terpelihara. Isi yang diberikan memenuhi kehendak tugas soal. Penyampaian jawapan lancar dan menggunakan bahasa yang baik. Keseluruhannya calon dapat mengemukakan jawapan dengan ayat yang lengkap dan sempurna. Calon dapat menjawab soalan Kemahiran Berfikir yang diberi dengan baik dan bernas sesuai dengan kehendak soalan. Contoh skrip calon adalah seperti berikut:

- i) Maksud rangkaian kata melindungi kebajikan anggotanya yang dapat ialah membantu dan memberi naungan kepada kesejahteraan hidup para pesakit kronik yang amat memerlukan bantuan serta pertolongan.
- ii) Pesakit kronik merayu simpati orang ramai supaya membenarkan bantuan kewangan bagi membolehkan mereka mendapat rawatan segera. Pesakit kronik juga meminta bantuan daripada individu atau dermawan tertentu. Mereka turut berusaha untuk mendapatkan bantuan daripada orang ramai melalui media elektronik atau media cetak.
- iii) Pada pendapat saya, cara-cara untuk mengelakkan berlakunya penyakit kronik dalam kalangan masyarakat moden pada hari ini ialah dengan mengamalkan gaya hidup yang sihat dan sempurna. Ahli masyarakat bolehlah melakukan senaman setiap hari untuk menjaga kesihatan tubuh badan. Senaman yang bersesuaian dan disukai dipilih supaya senaman dapat dilakukan untuk jangka masa yang panjang secara berterusan pada waktu-waktu tertentu setiap hari. Anggota masyarakat juga perlu mengamalkan pemakanan yang seimbang untuk mengelakkan penyakit kronik. Makanan yang berlemak dan berkolesterol tinggi dielakkan. Selain itu, anggota masyarakat perlulah sentiasa memelihara pemeriksaan badan untuk mengetahui tahap kesihatan sendiri. Segala nasihat dan teguran doktor perlulah diikuti bagi mengelakkan penyakit kronik. Masyarakat perlulah mendapatkan pendidikan tentang penyakit kronik supaya dapat mengambil langkah pencegahan. Kempen-kempen dan ceramah-ceramah kesihatan perlu disertai supaya, mendapatkan lebih banyak maklumat tentang penyakit-penyakit kronik.

Kelemahan

Calon menggunakan frasa yang salah untuk menerangkan maksud frasa yang diberi. Jawapan calon tidak merujuk petikan rumusan tetapi hanya menulis mengikut pendapat sendiri. Ini menjadikan Jawapan tidak tepat. Calon tidak mengemukakan Jawapan yang khusus, tetapi hanya membuat saranan yang terlalu umum yang tidak langsung berkaitan dengan petikan dan salah. Contoh skrip calon seperti berikut:

Soalan 2a)	
(i)	Maksud raka rangkaian kata melindungi? kebajikan anggota yang darif daif ialah merupakan masyarakat penyayang. x
(ii)	Pesakit kronik memperoleh sumber kewangan untuk membiayai kos pembedahan mereka ialah mendapatkan rawatan segera. Selain ini memberikan sumbangan kemanusiaan seumpama. Hal ini mereka dapat memastikan bahawa tempat rawatan kepada individu. x
(iii)	Pada pendapat saya mengambil cara-cara untuk mengelakkan penyakit kronik dengan lebih adil, proaktif komprehensif. Selain ini ini mereka menyumbang kemampuan derma darah. Dengan wujud golongan tidak berupaya untuk mendapat bantuan Pihak Kebajikan. Seferusnya di adalah dasar penubuhan keperluan.)

Soalan 2(b): Petikan Cerpen

Kekuatan

Calon dapat memahami tugas soal. Penggunaan tatabahasa baik, jawapan tepat, tiada kesalahan ejaan, ayat-ayat lengkap dan sempurna. Soalan Kemahiran Berfikir dapat dijawab dengan bernas. Penyampaian jawapan lancar dengan bahasa yang baik. Keseluruhannya calon dapat menyampaikan jawapan dengan ayat yang lengkap dan sempurna tatabahasanya. Soalan yang berkaitan dengan komponen sastera dapat dikuasai dengan baik. Jawapan yang diberi tepat, mencukupi dan lengkap sesuai dengan kehendak soalan. Rujuk skrip jawapan calon berikut:

(Dalam petikan di atas, ibu Murni ialah seorang yang rajin. Dia bertungkus lumus bekerja dan usia yang muda sehingga usia yang tua. Ibu Murni juga merupakan seorang yang mudah berpuas hati. Dia senang dengan kehidupannya di kampung dan tidak beradang untuk pergi ke bandar. Dalam cerpen tersebut, ibu Murni ialah seorang yang kurang berpengetahuan. Dia telah menebang pokok yang ditanam oleh pihak kerajaan menyebabkan Murni terpaksa membayar ganti rugi. Ibu Murni ialah seorang yang berjimat cermat. Hanya sebahagian kecil wang yang ditanam oleh Murni

digunakan oleh ibu Murni. Dia telah menyimpan wang yang selebihnya (1) sedangkan tanaman dan ternakan di kampung cukup untuk menyara hidupnya. Ibu Murni merupakan seorang yang berpandangan jauh dan pondar merancang. Ibu Murni telah menabung wang kintaman Murni untuk membeli rumah untuk Murni dan suaminya walaupun Murni dan suaminya hanya tinggal di sebuah rumah sewa walaupun mereka bergaji tinggi. Ibu Murni juga merupakan seorang yang sabar. Dia berdiam di sahaja apabila ditegur oleh suami Murni kerana menebang pokok yang ditanam oleh pihak kerajaan. (1))

Kelemahan

Jawapan calon tidak dapat memenuhi kehendak tugas soal. Jawapan calon menggunakan ayat tergantung. Kesalahan bahasa, ejaan sangat ketara. Jawapan calon tidak lengkap. Isi Jawapan calon tidak tepat dan tidak jelas. Tidak memahami kehendak soal dalam petikan dengan kehendak soal dalam cerpen. Calon tidak dapat menjawab soal Kemahiran Berfikir dengan tepat. Contoh Jawapan calon seperti berikut:

- 1) Ibu Murni enggan mengikut Murni ke bandar kerana ibu Murni tidak mahu meninggalkan kampung itu dan hendak tinggal di kampung itu sehingga meninggal dunia. 1
- 2) Pada pendapat saya, cara-cara yang dapat dibantu ialah kita hendaklah tanggungjawab kepada keluarga, memberi kasih sayang dan memberi kerohanian kepada ibu bapa. Selain itu, kita juga hendaklah rajin belajar sehingga mendapat sijil ijazah kepada ibu bapa. (1 - 1/2 = 1/2) 1/2
- 3) Penukaran yang terdapat dalam petikan ialah ibu Murni adalah seorang ibu yang zalim kerana tidak mahu keluar dari kampung. Ibu Murni juga seorang yang kuat bekerja walaupun sudah tua. (1)) 1

Soalan 2c : Petikan Prosa Klasik

Kekuatan

Calon dapat memahami tugas soal dengan baik. Jawapan calon tepat. Calon menjawab dengan menggunakan ayat yang betul. Ayat yang lengkap dan sempurna. Penggunaan tatabahasa baik, di samping tiada kesalahan ejaan. Calon dapat mengesan kehendak soal dengan tepat. Jawapan yang diberikan menepati kehendak tugas soal. Calon dapat menjawab soal Kemahiran Berfikir dengan tepat, bernas dan logik. Sila rujuk Jawapan berikut:

2 c)	i) Maksud hendak ditahan Seri Rama ialah keinginan untuk menggoda dan memiliki Seri Rama. 2
	ii) Kesakitan yang dimiliki oleh Sura Pandaki ialah dia dapat menggerakkan diri untuk menjelma menjadi seorang perempuan yang jelita. Sura Pandaki juga dapat menjelma menjadi kepada berbagai-bagai barang, benda dan kelakuan. Sura Pandaki boleh menjelma menjadi ^{untuk} seekor raksasa untuk menentang Seri Rama Laksamana. Sura Pandaki juga boleh terbang ke langit. $(3 - \frac{1}{2} = 2\frac{1}{2})$ 2 1/2
	iii) Pada pendapat saya, laksamana tidak mempedulikan Sura Pandaki yang cuba menggodanya kerana laksamana mempunyai iman yang kuat. Selain itu, laksamana juga merupakan seorang yang teguh prinsipnya. Laksamana juga seorang yang taat dan setia. Laksamana juga tidak mempedulikan Sura Pandaki kerana mengetahui niat sebenar Sura Pandaki. 2

Kelemahan

Calon tidak dapat memahami maksud sebenar rangkai kata yang disoal. Calon juga tidak dapat memahami kehendak soalan. Banyak terdapat kesalahan ejaan, tatabahasa serta penggunaan ayat yang tidak betul. Calon gagal menyampaikan jawapan dengan bahasa yang baik. Kelemahan calon dalam penguasaan bahasa amat ketara. Jawapan tidak sempurna dan isi jawapan salah. Sila rujuk jawapan calon yang disertakan:

	soalan 2 c
(i)	Maksud rangkai kata dengan hendak ditahan Seri Rama kerana mendapatkan memberitahu Sura Pandaki untuk menjelma menjadi perempuan muda oleh perempuan muda. x
(ii)	Kesakitan yang dimiliki oleh Sura Pandaki ialah berserak Seri Rama membuat dilepaskan daripada laksamana pun melihat bahawa mereka sentiasa gugur ke bumi untuk kehilangan tatkala kuasa. x
(iii)	Pada pendapat saya bahawa cadangan Laksamana menegur dengan perempuan muda telah mendengar dengan barang lakunya. x

Soalan 2d : Petikan Puisi

Kekuatan

Calon masih dapat memahami teks puisi yang diberi. Oleh itu calon dapat mengemukakan jawapan agak baik. Isi-isi jawapan dan gaya penyampaian dikemukakan dengan bahasa yang baik. Ayat, tatabahasa dan penggunaan ejaan terpelihara. Calon dapat menjawab menepati kehendak soalan. Jawapan yang disampaikan menunjukkan kematangan. Berikut contoh jawapan calon:

i) Maknud mendengar guruh di langit, air di tempayan dicurahkan ialah melakukan sesuatu secara tergesa-gesa walaupun tidak pasti dengan perkara tersebut. menyebabkan diri sendiri menanggung kerugian. Ia juga bermaknud keputusan dibuat secara terburu-buru dan ^{tanpa} tidak berfikir panjang tidak mendatangkan kebaikan. ✓ (2) →

ii) Pada pendapat saya, sifat yang perlu ~~diteliti~~ ^{dihindari} untuk ialah sikap terburu-buru, bodoh, tamak dan tidak rasional. Sikap yang terburu-buru tidak pada seseorang menyebabkannya tidak dapat membuat keputusan dengan baik dan berakibat kepada diri sendiri. Sikap yang bodoh menyebabkan kita mudah diperdaya dan ditipu oleh orang lain. Sikap tamak pula akan mendatangkan kerugian kepada diri sendiri pada akhirnya. Sikap yang tidak rasional serta mengharapkan sesuatu di luar kemampuan diri menyebabkan seseorang tidak dapat mencapai kejayaan yang diinginkan.

iii) Tema puisi ^{tersebut} di atas ialah pengamalan nilai yang baik dalam hidup. Namhat supaya tidak berikap terburu-buru, tamak, tidak rasional dan bodoh disampaikan menoxni puisi tersebut. Persoalan yang terdapat dalam petikan ialah sikap terburu-buru tidak mendatangkan kebaikan kepada seseorang malah akan merugikan diri sendiri. Persoalan tentang kesederhanaan dalam hidup dan tidak mengharapkan sesuatu yang berada di luar kemampuan diri juga terdapat dalam puisi ini ~~supaya~~. Persoalan tentang kebijaksanaan juga terdapat dalam puisi. Kita mestilah bijak memerhatikan keadaan dan membuat keputusan supaya tidak mudah diperdaya oleh orang lain. ✓ (3)

Kelemahan

Calon gagal mentafsirkan maksud seloka.. Jawapan calon menyimpang jauh daripada kehendak soalan. Jawapan calon tidak merujuk kepada seloka, tetapi hanya mengikut tafsiran calon sahaja. Jawapan calon terpesong kerana calon gagal memahami isi kandungan seloka. Ayat yang digunakan adalah lemah. Kesalahan tatabahasa dan ejaan begitu ketara. Penyampaian jawapan menunjukkan kelemahan calon memahami keseluruhan maksud seloka. Contoh jawapan calon seperti berikut:

Soalan 2 d	
(i)	Maksud nyata mangkai kata ialah mendengar guruh di langit, Air di tempayan dicurahkan pak pandir akan menjerjastan terfandas pada kucing terpelihara dengan tipu oleh tikus. Pak pandir akan berkata manis oleh orang luar. ✗
(ii)	Pada pendapat saya mereka di pijak oleh anak kucing kerana berbohong tikus dengan segala kemahiran yang dipelihara untuk mengatasi semua harta yang tergadai oleh pak pandir. ✗
(iii)	Pema ini muncul sebagai kasih sayang dalam seloka pak pandir. Selain boleh menikmati Tabii setia kepada menjamin dengan keharmonian. Hal ini mereka akan sentiasa melaksanakan disiplin dengan mereka. Oleh sebab ini mereka dapat tintahan dan dan bermasyarakat ketinggian. ✓

Soalan 3: Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

3(a) Kekuatan

Calon dapat membina ayat dengan jelas, lengkap dan menunjukkan kematangan. Calon dapat memahami maksud perkataan yang disoal dengan tepat dan betul. Ayat yang dibina menepati rumus subjek dan predikat. Ejaan dan penggunaan kata majmuk betul. Penyampaian jawapan lancar dan menunjukkan keragaman ayat. Tidak terdapat sebarang kesalahan tatabahasa dan ejaan. Penggunaan kosa kata sesuai untuk menjelaskan maksud perkataan. Perkataan yang diuji dapat digunakan dalam ayat dengan betul. Rujuk jawapan calon di bawah:

i) garis panduan →	Manfaat yang diberikan oleh ulamak itu harus dipadatkan sebagai garis panduan dalam menjalani kehidupan seharian. ①
ii) Baik putih →	Pengguna Jalan raya disarankan tidak melalui jalan yang bertukang itu kerana berada dalam proses baik putih. ①

- iii) Hapus kira → "Hapus kira rahafalah ^{hutang} kau itu, Ahmad." kata Zhofran kepada Ahmad. ✓ ①
- iv) Urus niaga → Urus niaga perlu dilakukan dengan usaha yang sungguh-sungguh bagi memadikan keuntungan diperolehi. ✓ ①
- v) Usaha sama → Usaha sama kerajinan Malaysia dengan Singapura dalam pengeksportan dan pengimportan barangan membuah kan hasil. ✓ ①
- vi) Hak cipta → "Filem itu merupakan hak cipta Grand Brilliance sdn. bhd dan tidak boleh ditiru oleh mana-mana pihak lain." kata pengarah syarikat tersebut dalam sidang media baru-baru ini. ✓ ①

3(a) Kelemahan

Calon tidak membina ayat yang menjelaskan maksud perkataan yang diuji. Calon tidak memahami maksud perkataan yang diuji. Calon membina lebih daripada satu ayat. Calon menambah imbuhan pada perkataan yang diuji. Calon sengaja meninggalkan imbuhan pada perkataan yang diuji. Calon menggunakan penggunaan kata yang salah dan tidak kena dengan maksud perkataan yang diuji.

- Soalan 3:- Pengetahuan dan kemahiran bahasa
- (i) garis panduan :- Sebelum kita hendak cari titik tengah kita seharusnya mencari ^{garis} ~~garis~~ panduan di tengah kertas itu. ✓ ①
- (ii) baik pulih :- Encik Azman patah kaki kerana telah menimpa dengan kemalangan pada petang kelmarin. Doktor bagi tahu kaki dia akan baik pulih dalam masa selang satu bulan. ✓

- (iii) hapus kira :- Sukumaron beli barang dari pemborong Ambal. Dia hapus kira dengan pemborong Ambal kerana dia berhutang dengan Encik Sukumaron. d.
- (iv) urus niaga :- Urus niaga yang dilakukan oleh Pathy dibuat dengan lancar dan ^①semat
- (v) usaha rama :- Pembinaan bangunan di semambu dilakukan dengan usaha rama oleh pekerja-pekerja Indonesia. d.
- (vi) hak cipta :- Hak cipta yang dibuat oleh Encik Kanna menjadi popular dan dipaparkan di television. d.

3(b) Kekuatan

Calon dapat menulis kesemua isi yang terdapat dalam petikan soalan. Semua isi dapat ditulis mengikut susunan dan urutan cerita. Calon dapat menulis jawapan sama ada dalam bentuk dialog atau pun skrip/cerpen. Penggunaan tanda baca tepat. Calon dapat menukarkan cakap pindah kepada cakap ajuk dengan kaedah yang betul. Penguasaan kosa kata calon luas. Teknik pemindahan tepat tanpa menambah isi. Bahasa yang digunakan gramatis. Ayat yang diolah sangat baik. Isi dan ayat jawapan calon menunjukkan kematangan. Contoh jawapan calon dalam bentuk cerpen seperti berikut::

beradang

"Saya hendak mengikuti kursus usahawan muda yang dianjurkan oleh kerajaan." kata Sakinah memberitahu cadangannya kepada Mariam. "Baguslah macam itu!" kata Mariam menyokong cadangan Sakinah. "Melalui program itu, awak akan dapat menerima ilmu pengetahuan." Mariam menyatakan pendapatnya kepada Sakinah. "Suatu hari nanti, saya beriya-itya untuk menjadi usahawan yang terkenal." Sakinah melahirkan hasratnya. "Awak ~~boleh~~ boleh melakukannya!! Saya percaya awak mampu mencapai cita-cita ~~awak~~ dan saya akan mendoakan kejayaan awak." Mariam menyatakan keyakinannya. "Terima kasih Mariam!!" kata Sakinah kepada Mariam. ✓

B = 6

Contoh jawapan calon dalam bentuk dialog

(b)	Sa Sakinah :	Mariam, saya bercadang untuk mengikuti kursus usahawan usahawan muda yang dianjurkan oleh kerajaan.
	Mariam :	Saya sokong rancangan awak itu Sakinah. Awak akan dapat menimba menimba pelbagai pengetahuan melalui kursus itu.
	Sakinah :	Saya bercita-cita untuk menjadi seorang usahawan yang terkenal suatu hari nanti.
	Mariam :	Saya yakin awak mampu mengapai cita-cita awak itu. Saya juga berdoa agar awak berjaya.
	Sakinah :	Terima kasih kerana menyokong Mariam.) B6

3(b) Kelemahan

Calon terlalu tenkat dengan susunan ayat dan pada kertas soalan. Jawapan calon berbentuk laporan. Calon tidak mahir atau tidak tahu menggunakan tanda baca dengan tepat. Menambahkan maklumat yang tidak terdapat di dalam petikan atau soalan. Calon tidak mengikut urutan isi. Teknik pemindahan tidak tepat. Penguasaan ayat dan tatabahasa lemah. Terdapat kesalahan ejaan yang nyata. Berikut contoh kelemahan jawapan calon:

b)	(Mariam memberitahu Sakinah bahawa dia bercadang untuk mengikuti kursus usahawan muda yang dianjurkan oleh kerajaan. Rancangan Sakinah itu telah disokong oleh Mariam. Kemudian Mariam memberitahu Sakinah bahawa Sakinah akan dapat menimba pengetahuan melalui kursus itu. Sakinah juga telah melahirkan hasrat untuk menjadi usahawan yang berjaya suatu hari nanti. Mariah memberitahu bahawa suatu hari nanti Sakinah mampu untuk mencapai cita-citanya dan mendoakan untuknya. Selepas itu Sakinah mengucapkan terima kasih kepada Mariam.)
----	---

3(c) Kekuatan

Calon dapat mengetahui dengan tepat perkataan yang diuji dan kesalahan yang ada. Calon dapat memahami kehendak dan tugas soalan. Calon dapat mencari jawapan yang tepat dan dapat mengesan kesalahan ejaan dan imbuhan. Calon menyalin semula ayat yang disoal tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya. Skrip jawapan calon seperti berikut:

- i) Nawi selalu menasihati kawan-kawannya agar tabah dalam menghadapi cabaran hidup ~~dan~~ tetapi ketika musibah menimpa dirinya, dia tidak dapat menanggungnya. ①
- ii) kebanyakan pelancong lebih gemar berkunjung ke pulau-pulau yang cantik di perisiran pantai Malaysia. ①
- iii) kerajaan menggalakkan orang ramai menyertai program kemasyarakatan supaya hubungan antara kaum dapat diperatkan. ①

3(c) Kelemahan

Calon tidak memahami kehendak soalan yang berkehendakkan calon mengesan ejaan dan imbuhan yang salah. Oleh sebab itu mereka tidak dapat mencari jawapan dengan tepat. Terdapat calon yang membetulkan perkataan dan imbuhan yang tidak salah. Perkataan yang dibetulkan salah ejaan. Berikut contoh skrip jawapan yang berkaitan:

- (c) ~~Nawi~~
- (i) Nawi selalu menasihatkan kawan-kawannya agar tabah dalam menghadapi cabaran hidup tetapi ketika munasabah menimpa dirinya, dia tidak dapat menanggungnya. ①
- (ii) kebanyakan pelancong lebih gemar berkunjung ke pulau yang cantik di perisiran pantai Malaysia. ①
- (iii) kerajaan menggalakkan ramai orang menyertai program kemasyarakatan supaya hubungan antara kaum dapat diperatkan. ①

3 (d) Kekuatan

Calon dapat menyalin semula ayat yang disoal dengan betul dan tepat. Calon dapat menggunakan kata atau istilah atau bahasa dengan tepat dalam ayat. Dapat mengesan di mana letaknya kesalahan kata, istilah dan bahasa dalam soalan. Tidak terdapat kesalahan ejaan atau bahasa atau istilah dalam menjawab soalan ini. Contoh jawapan seperti berikut:

- i) Orang awam tidak dibenarkan masuk ke kawasan pembinaan projek itu di atas sebab-sebab keselamatan.
- ii) Kejadian gempa bumi yang meranapkan tinggalan sejarah di kota itu telah menggugutkan masyarakat dunia.
- iii) Semua peserta telah menghadiri kursus peningkatan prestasi di pusat perancangan itu yang dikendalikan oleh perancang yang terkenal.)

3(d) Kelemahan

Calon tidak dapat mengesan kata atau istilah atau bahasa yang salah dalam ayat yang diuji. Terdapat juga calon yang salah menjawab perkataan atau istilah atau bahasa yang diuji. Ada calon yang mengubah struktur asal ayat sehingga mengubah maksud asalnya. Sila rujuk contoh skrip calon:

- (i) Orang awam tidak dibenarkan masuk ke tempat pembinaan projek itu di atas sebab keselamatan
- (ii) kejadian gempa bumi yang menyebabkan tempat sejarah di kota itu telah menggugutkan masyarakat dunia.
- (iii) Semua peserta telah menghadiri kursus peningkatan prestasi di pusat perancangan itu yang dikendalikan oleh perancang yang terkenal.)


3(e) Kekuatan

Calon masih dapat memberikan jawapan yang agak baik berdasarkan situasi yang dikemukakan dalam soalan.. Calon dapat mengemukakan lebih daripada satu peribahasa bagi maksud petikan yang diuji. Ejaan tepat. Peribahasa yang ditulis betul.

Peribahasa yang pertama ialah beratsama dipikw, ningan samo djinging.
 Peribahasa yang kedua pula ialah seperti nau dalam belukar melepaskan pucuk maring-maring manakala peribahasa yang ketiga ialah ~~tiang kosong~~
 tin kosong.

3(e) Kelemahan

Calon tidak dapat memberikan peribahasa yang tepat. Terdapat jawapan calon yang mengemukakan jawapan yang tiada kaitan dengan petikan yang diuji. Terdapat calon yang menulis peribahasa terbalik (peribahasa yang salah strukturnya). Terdapat kesalahan ejaan pada peribahasa yang dijawab oleh calon. Calon memberikan peribahasa yang setara.



Soalan 4a (Novel)

Kekuatan

Keseluruhannya calon dapat mengemukakan contoh-contoh nilai kasih sayang dan menghuraikan contoh-contoh nilai kasih sayang itu dengan tepat daripada novel yang dikaji. Jumlah contoh-contoh yang dikemukakan mencukupi dan lengkap, seperti yang dikehendaki oleh peraturan pemarkahan. Penyampaian jawapan tersusun. Bahasa yang digunakan lancar. Struktur ayatnya sempurna. Jalan bahasa yang digunakan oleh calon kemas, gramatis dan menarik. Ejaan dan tanda baca betul. Idea diolah dalam bentuk perenggan yang lengkap dan sempurna. Watak yang ditulis tepat dan betul. Contoh yang diberi diolah dengan bahasa yang sangat baik.

Calon menguasai aspek nilai kasih sayang dalam kajian novel. Penguasaan ini membolehkan calon menjawab soalan dengan menghuraikan tiga nilai kasih sayang yang diberi dalam novel yang dikaji dengan mengemukakan contoh yang relevan dengan lengkap seperti yang dikehendaki oleh peraturan pemarkahan. Penyampaian jawapan mencukupi dan lengkap. Bahasa yang digunakan lancar. Struktur ayatnya gramatis dan lengkap. Jalan bahasanya kemas dan menarik dan tiada lagi kesalahan ejaan dan penggunaan tanda baca yang dilakukan. Idea diolah dengan lengkap dan tersusun.

Calon menguasai kesemua aspek asas dalam kajian novel. Penguasaan aspek asas ini membolehkan calon menjawab soalan yang dikemukakan berkaitan nilai kasih yang diberi dalam novel yang dikaji dengan baik. Jumlah nilai kasih sayang yang dikehendaki mencukupi dan lengkap dengan contoh-contohnya sekali seperti yang dikehendaki oleh peraturan pemarkahan. Penyampaian isi jawapan baik dan berkesan. Jalan bahasanya kemas dan menarik. Contoh skrip jawapan calon bagi kesemua lapan novel seperti berikut:

NOVEL TERMINAL TIGA

Nilai kasih sayang yang terdapat dalam novel Terminal Tiga karya Othman Puteh ialah kasih sayang ibu terhadap Rimpia. ¹² Rimpia tidak membenarkan Rimpia belajar di P3 Akademi Seni Kebangsaan, Kuala Lumpur kerana dia risaukan keselamatan Rimpia. ¹¹

Walaupun ayah Rimpia telah lama menghilangkan diri, tetapi Rimpia tetap sayangkan ayahnya. Ini boleh dibuktikan dengan Rimpia tetap mencari ayahnya walaupun gagal ditemui. Rimpia membawa adik-adiknya bersama untuk mencari ayahnya yang telah lama tidak pulang ke rumah. ¹²

Rimpia juga seorang sahabat yang penyayang. Dia sayang akan Ruzaini yang menjadi kawannya sejak kecil lagi. Rimpia risau jika Ruzaini terpengaruh dengan golongan pendakwah yang berjubah yang cuba mempengaruhi Ruzaini. ¹⁵

NOVEL PERLUMBAAN KEDUA

Novel Perlumbaan Kedua karya Marwilis Hj. Yusuf telah menerapkan nilai kasih sayang dalam novelnya. Nilai ini dibuktikan apabila Syuk Sakat Tuk Kura memarahi Tuk Kura kerana telah menjalankan latihan yang teruk kepada anak-anak mereka. Ini menunjukkan kura-kura itu sayang kepada anak mereka dan mereka tidak sanggup melihat anak-anak kura terseksa. ¹

Selain itu, nilai kasih sayang juga wujud antara watak Tuk Kura dan Sang Gajah. Sang Gajah ingin membantunya Tuk Kura ketika hendak ke puncak bukit. ¹

Nilai kasih sayang juga terbukti apabila Tuk Kura tidak marah atau berdendam kepada tindakan suku-sukatnya yang menyeksanya. Tuk Kura sayang akan keturunannya dan disebabkan itu dia tidak sanggup melihat marah mereka dipermudahkan. Oleh itu, Tuk Kura sanggup menerima cabaran Sang Anab untuk berlumba dengannya. ¹

NOVEL DI HADAPAN PULAU

Soalan 4.	
Novel di Hadapan Pulau Karya Ismail Johari.	4a-
a) Nilai kasih sayang yang terdapat dalam novel di atas ialah kasih sayang Tuk Marsuki kepada cucunya. Di samping itu, nilai kasih sayang seorang sahabat. Contohnya, Aziz sanggup mencari makanan ketika perang untuk Afidah yang kelaparan. Selain itu, kasih sayang kepada orang tua. Contohnya, Aziz dan Afidah sangat sayang dan menghormati Tuk Marsuki.	1-3

NOVEL BUKIT KEPONG

Soalan 4.	
Saya telah mengkaji novel Bukit Kepong karya Ismail Johari. Terdapat pelbagai nilai kasih sayang yang dapat kita lihat dalam novel ini. Kasih antaranya ialah kasih seorang suami terhadap isterinya. Contohnya semasa Othman pulang dari Johor ke rumahnya dan melihat Limah dalam keadaan gila, Othman tetap menerima isterinya itu. Limah juga kasih akan suaminya sehingga dia menjadi gila semasa tenana tidak dapat menerima kenyataan tentang 'kematian' suaminya. Kasih dan sayang terhadap negara juga terdapat dalam novel ini. Contohnya, Othman dan rakan-rakannya berminat-matian mempertahankan negara. Nilai kasih sayang terhadap rakan pula dapat dilihat semasa Othman bertanung nyawa menyelamatkan rakan-rakannya yang masih hidup semasa pertempuran mereka dengan komunis di Bukit Kepong.	4a-7
1103/2, S4a 04	B-4

NOVEL KONSERTO TERAKHIR

Tiga nilai kasih sayang yang terdapat dalam novel Konserto Terakhir karya Abdullah Hussein adalah pertama kasih dan sayang terhadap anak. Nilai ini dapat ditunjukkan daripada watak Datuk Johari dan Datin Salmah yang terlalu sayangkan Hayati. Datin Salmah sanggup menghukum Hilmi yang bermain dengan piano Hayati kerana terlalu sayangkan Hayati dan tidak mahu Hayati berduka. Nilai kasih sayang yang kedua ialah kasih sayang terhadap talian. Hal ini dapat ditunjukkan daripada watak Mamat yang sanggup memberikan malconan kepada Hilmi yang tidak diberi malconan oleh Datin Salmah. Nilai yang ketiga ialah kasih sayang terhadap tanaman. Hal ini dapat ditunjukkan daripada Sikap Hilmi yang sanggup keluar pada waktu malam untuk membunuh serangga yang hinggap pada tanaman dan bunga-bunganya.

NOVEL SETEGUH KARANG

a) Dalam novel Seteguh Karang karya Tuan Faridah Syed Abdullah, nilai kasih sayang ditunjukkan oleh watak Awanis. Dia menyayangi ahli keluarganya dan berusaha menyatukan keluarganya semula setelah adik angkatnya, Anita, berpindah keluar dan Kak May masuk ke hospital akibat mematan ubat tidur yang berlebihan. Kak Oni juga menunjukkan kasih sayangnya terhadap anak-anak saudaranya. Dia sanggup berdagang ke Lumut semata-mata ingin bersama dengan Awanis, Anita dan Maysarah. Selain itu, nilai kasih sayang juga ditunjukkan oleh Anita yang sanggup memaafkan Kak May yang menghalaunya, kerana wujudnya ikatan kekeluargaan di antara mereka. Nilai kasih sayang turut dipaparkan oleh watak Kak May yang menyayangi adik-beradiknya dan ibu bapanya, hinggan dia mering kerana menganggap dirinya telah mengakibatkan kematian ibu bapa, sekaligus menghalang adik-beradiknya daripada menerima kasih sayang ibu bapa mereka.

(1103/2, S4a 06) $\frac{3}{4}$

NOVEL JULIA

Nilai kasih sayang yang ditunjukkan dalam novel Julia karya Abu Hassan Morad ialah kasih sayang Julia di antara keluarga. Julia amat menyayangi adik-beradiknya serta nenek. Julia sentiasa menyayangi kedua-dua ibu bapanya walaupun mereka telah meninggal dunia. ①

Terdapat juga nilai kasih sayang Julia dengan Jun. Hubungan percintaan dan kasih sayang antara Julia dengan Jun berkekalan hinggalah mereka berkahwin. Jun amat menyayangi Julia dan sanggup membantu Julia dalam bidang perniagaan. Jun juga menjadi teman yang dapat menenangkan hati Julia semasa Julia ~~menera~~ menerima berita kematian ibu bapanya. ①

Nilai kasih sayang antara Julia dengan rakan-rakannya di Hidayah Islamic College wujud. Mereka saling membantu antara satu sama lain. Misalnya, Saidah masih menghantar e-mail kepada Julia walaupun mereka berjauhan. Mereka sentiasa mencuba untuk mengeratkan hubungan silaturrahim. ①

Nilai kasih sayang di yang dinyatakan ialah hubungan antara Ibu bapa Julia dengan Julia. Mereka menghantar Julia ke Australia adalah ~~sa~~ semata-mata ingin menjauhkan Julia dengan Rashid. Mereka sebenarnya sayang akan Julia. ①

NOVEL PUTERA GUNUNG TAHAN

Soalan (4)

- Viii) a) Tiga kasih sayang yang terdapat dalam novel Putera Gunung Tahan ialah kasih sayang seorang ibu terhadap anaknya. Contohnya Perempuan Tua sangat menyayangi Ratu Bongsu dan menasihati Ratu Bongsu supaya berhati-hati dan jangan mudah percaya pada orang asing (Tuan William), Ratu Bongsu menyayangi Mem William walaupun Mem William berniat jahat pada mulanya. Ratu Bongsu menyayangi Penghuni di

Puncak gunung Tahan contohnya Ratu Bongsu menyuruh semua penghuni mencari tempat perlindungan supaya tidak terkena serangan yang dirancangkan At Tuan William, Ratu Bongsu juga menyayangi tumbuh-tumbuhan yang terdapat di Puncak gunung Tahan, Perempuan tua menyayangi masyarakat orang Sakai walaupun bertalian agama Contohnya perempuan tua memberi petunjuk jalan kepada orang Sakai dan merancangkan sesuatu supaya orang Sakai tidak dapat dimiliki oleh Tuan Robert. Tuan William menyayangi isterinya walaupun isterinya berlaku curang.

Kelemahan

Calon menguasai nilai kasih sayang novel yang dikaji hanya dengan mengemukakan satu sahaja contoh nilai kasih sayang dan ramai calon tidak menghuraikannya dengan lengkap. Calon mengemukakan nilai-nilai mulia sahaja tanpa menghuraikannya dengan contoh-contoh yang relevan seperti dalam novel. Calon tidak dapat membezakan antara nilai kasih sayang dengan nilai murni. Calon menyatakan nilai kasih sayang, tetapi huraian salah tidak sebagaimana cerita yang sebenarnya di dalam novel. Jawapan calon terlalu umum tanpa merujuk kepada teks. Tiga contoh jawapan calon berdasarkan novel Terminal Tiga, Di Hadapan Pulau dan Putera Gunung Tahan:

Dalam novel yang saya kaji, Terminal Tiga karya Othman Puteh, saya mendapati bahawa novel tersebut mempunyai nilai kasih sayang. Nilai kasih sayang bermaksud memberi cinta mempunyai cinta yang mendalam terhadap sesiapa sahaja.
Pertamanya, saya mendapati bahawa ibu Rimpa mempunyai nilai kasih sayang terhadap Rimpa. Umpamanya, ibunya memberi sokongan serta menghormati pilihan Rimpa untuk meneruskan pelajaran di Akademik Seni kebangsaan di Kuala Lumpur.
Selain itu, ibu Rimpa mendidik Rimpa dan kecil sehingga dewasa.
Selain itu, nilai kasih sayang yang terdapat dalam novel ini ialah kasih sayang ayah kepada anak. Umpamanya, ayah Rimpa telah meninggalkan rumah selama 10 tahun dan kota Kinabalu. Ini adalah kerana ayah Rimpa mempercayai dia dapat memperoleh rezeki yang lebih lumayan di tempat luar seperti Nabawan.
1103/2, S4a, 09

Pilihan : (viii) Putera Gunung Tahan.

4 (a) Tiga nilai kasih sayang yang terdapat dalam novel yang telah saya kaji ialah ~~nilai kasih~~ pengorbanan seorang ibu yang sanggup membenarkan anaknya pergi bertapa belajar atau bertapa di Gunung Tahan dengan seorang lelaki tua yang ketur berketurunan orang Sakai. Kasih sayang seorang ~~suami~~ Tatta Isten terhadap suaminya, seperti yang terjadi kepada Mem William yang sudah lama tidak berjumpa suaminya sehingga timbul rasa keindahan dan dia sanggup mengadakan hubungan sulit bersama lelaki lain¹⁰ dan kasih sayang

4 (b) Novel

Kekuatan

Calon menguasai kesemua aspek asas dalam kajian novel. Penguasaan aspek asas ini membolehkan calon menjawab soalan, memberi penjelasan bagaimana watak utama menyelesaikan konflik yang dihadapi berdasarkan novel yang dikaji. Calon juga dapat memberikan huraian yang tepat berdasarkan contoh-contoh dan bukti daripada novel yang dikaji dan dipelajari bagi menyokong cara penyelesaian konflik. Jumlah penjelasan konflik yang dikemukakan mencukupi dan lengkap seperti yang dikehendaki oleh peraturan pemarkahan. Penyampaian jawapan adalah baik, bahasa yang digunakan lancar dan strukturnya sempurna. Jalan bahasa kemas, gramatis, menarik dan dengan ejaan yang betul. Penyelesaian konflik yang dihadapi diolah dalam bentuk perenggan yang lengkap dan sempurna. Skrip contoh jawapan calon bagi kesemua novel adalah seperti berikut:

NOVEL TERMINAL TIGA

Soalan 4 (b)

Konflik yang dihadapi oleh Rimpa dalam Novel Terminal Tiga karya عثمان Puteh ialah ketika Rimpa ketiadaan wang untuk meneruskan ~~pelajar~~ pelajaran dan ketika dia pulang ke kampung untuk mencari ayahnya yang telah lama menghidangkan diri. Rimpa berusaha untuk mendapatkan biasiswa untuk menampung pembelajarannya di Akademi Seni Kebangsaan. Dengan berkat doa dan hasil usahanya, dia telah menerima biasiswa untuk menampung ~~pembelajaran~~ pengajiannya. Penerimaan biasiswa itu ~~tidak~~ dibantu oleh Bang Maily yang selalu memberi semangat kepadanya untuk terus menyambung pelajaran.

Konflik yang menimpa dirinya bertambah rumit apabila dia mendapat surat daripada Ruzaini yang memberitahu bahawa ayahnya sudah ditemui. Rimpa segera pulang ke kampung halamannya untuk mencari ayahnya yang telah lama menghilangkan diri. Rimpa pergi ~~pe~~ mencari ayahnya bersama-sama adiknya. Tetapi mereka gagal menemui ayahnya. ②

Konflik terlerai apabila ayahnya pulang sendiri ke kampung halamannya untuk bertemu dengan ibu Rimpa dan anak-anak. Rimpa berasa amat bersyukur kerana ayahnya sudah kembali ke pangkuan ibunya. ①

NOVEL PERLUMBAAN KEDUA

b) Tuk Kura menghadapi konflik sama ada menerima cabaran Sang Anab atau tidak. Oleh yang demikian, dia telah memanggil ~~suku-sukunya~~ ^{kaum kerabatnya} untuk berbincang dan memberi pendapat masing-masing. ①

Tuk Kura juga menghadapi konflik untuk memilih kura-kura yang akan ke perlumbaan tersebut. Namun, dia telah memilih wakil daripada setiap suku kura-kura untuk tinggal bersamanya dan menjalani sesi latihan untuk proses pemilihan. ②

Tuk Kura telah mendapat tentangan daripada kaum kerabatnya ~~dia~~ dan dia diseksa oleh mereka. Selepas kejadian itu, dia menghilangkan diri untuk mencari ketenangan. ③

Tuk Kura menghadapi masalah kerana pergerakannya lambat. Namun masalah ini dapat diatasinya kerana sewaktu perlumbaan, dia bertindak melambungkan badannya di atas batu dan akhirnya dia menjuarai perlumbaan itu. ④

NOVEL DI HADAPAN PULAU

b) Aziz sebagai watak utama. Aziz menyelesaikan konflik yang dihadapinya ialah dengan mengambil upah dari si kurus bertujuan untuk membeli tedi. Dengan hasil pembelian itu Aziz akan mendapat sedikit wang untuk mengatasi perutnya kerana menanggung bebannya kerana Mak Aletung sudah tidak mampu untuk menanggung memeliharanya lagi kerana sudah ^{umur} ^{umur} meningkat tua. (2)

Aziz menyelesaikan masalah Afidah yang kesedihan dan kerana datuknya Tuk Marzuki meninggal dunia, Aziz sentiasa menemani Afidah pergi ke kubur Tuk Marzuki dan sentiasa mememangnya jikalau dalam kesedihan. (2)

NOVEL BUKIT KEPONG

b) Terdapat banyak konflik dalam novel Bukit Kepong. Konflik yang dihadapi oleh Othman dalam novel ini antaranya ialah konflik dengan ibubapanya yang tidak membenarkannya menjadi polis dan pergi berjuang. Bagi menyelesaikan konflik ini, Othman telah memujuk ibunya dengan berhemah agar membenarkannya pergi berbalah kepada negara. Dia berjaya untuk pulang dengan selamat dan bersetuju untuk dikahwinkan dengan Limah, gadis pilihan keluarganya. (2) Pada masa yang sama, dia mengalami konflik untuk meninggalkan kampung halaman dan keluarganya, tetapi dia meyakinkan dirinya untuk terus mara dan berjuang ^{dem} untuk tanahair. (2)

Othman turut mengalami konflik dalam diri apabila terpaksa berpisah dengan isterinya yang sedang mengandung. Namun, demi keselamatan isterinya, dia telah memujuk isterinya yang ingin berpisah dengannya itu untuk pulang ke kampung halaman demi keselamatannya. Othman sentiasa beratus khabar dengan isterinya. (2) Othman turut mengalami konflik ses apabila isterinya menjadi tidak siaman. Namun, dia tetap menjaga isterinya dan berusaha untuk memulihkan kesihatan isterinya itu. (2)

Othman mengalami konflik ketika berhadapan dengan musuh, kerana dia sedar jika tersilap langkah, buruk padahnya. Oleh itu, dia amat berhati-hati dalam setiap gerak-geri dan berjuang bersungguh-sungguh. Konflik Othman berterusan apabila dia kehabisan peluru. Dia tidak pasti apa yang harus dilakukannya. Adakah patut dia menyerah kalah atau terus melawan. Akhirnya, dia berjaya melancarkan diri walaupun terdapat banyak kecederaan pada badannya. Konflik terakhir adalah sewaktu dia berketi daripada menjadi polis dan terpaksa menemiskan hidup dalam kenisihan. Tiada siapa yang sudi menghiruk-kan bantian walaupun dia banyak berjasa. Akhirnya, dia menemiskan hidup dengan menoreh getah & demi menyara istei dan keluarganya.

(1103/2, S46, 04)

NOVEL KONSERTO TERAKHIR

b) Novel Konserto Terakhir karya Abdullah Hussain banyak memaparkan konflik yang melibatkan watak utama iaitu Hilmi. Pertama, konflik timbul antara Hilmi dengan Datin Salmah. Datin Salmah sangat memandang rendah kepada Hilmi yang dirasakan tidak layak bergelar anak saudaranya. Namun, Hilmi tetap redha dan dia berjaya mengubah pandangan Datin Salmah terhadapnya apabila dia berjaya menjadi seorang ahli muzik yang tersohor. Konflik kedua pula timbul dalam diri Hilmi ketika dia cuba untuk melarikan diri daripada rumah Datin Johari. Konflik dalam dirinya berjaya diatasi apabila dia mula teringat akan Hayati walaupun pada masa dia sedang berperang dengan perasaan sendiri untuk pulang atau tidak ke kampung. Konflik seterusnya adalah antara Hilmi dengan Azizah. Pergolakan rumah tangga mereka menyebabkan Hilmi mengambil keputusan untuk bercerai dengan Azizah.

Mohsin ada mencetuskan konflik dengan Hilmi apabila Mohsin cuba mengugut tarke stesen minyak tempat Hilmi bekerja. Akhirnya konflik diselesaikan apabila Hilmi berhenti daripada bekerja di situ. Konflik antara Hilmi dengan Hayati juga wujud apabila perasaan cinta yang lahir dalam diri mereka tidak berkesempulan. Hayati terpaksa berkahwin dengan Mohsin atas permintaan keluarganya. Hilmi yang terlalu kecewa mengambil keputusan untuk berkahwin dengan Azizah yang dirasakan dapat mengubati luka di hatinya. ②

1-2
B-1

NOVEL SETEGUH KARANG

Cb) Dalam novel "Seteguh Karang" karya Tuan Faridah Syed Abdullah, watak utamanya, Awanis, menghadapi banyak konflik. Sebagai contoh, dia menghadapi konflik dalam dirinya. Dia sedih atas kematian ibu bapanya tetapi tidak mahu menunjukkan kesedihannya itu. Dia juga sedih melihat keadaan kakaknya, Maysarah, yang putus semangat setelah ibu bapa mereka meninggal akibat kemalangan. Dalam mengatasi konflik jiwanya yang diakibatkan oleh kesedihan yang dirasainya, dia berusaha dan tabah untuk meneruskan hidupnya. ②

Dia juga ~~tidak~~ ^{segera} menjalani praktikal di Terengganu dan tidak mahu tinggal lama-lama di rumahnya di Ipoh untuk mengelakkan diri daripada berasa sedih dan benci ketika melihat Maysarah. ②

Awanis juga menghadapi konflik dengan pengurus ladang tempat praktikalnya, Encik Johari. Encik Johari memandang rendah kemampuan golongan wanita dan mencabar Awanis. Awanis menerima cabaran Encik Johari dan berusaha menyelesaikan konflik itu dengan berusaha membuktikan kebolehanya. ②

Selain itu, Awanis turut menghadapi konflik dengan Maysarah kerana sikap Maysarah. Awanis mencari jalan penyelesaian dengan meninggalkan rumahnya untuk menjalani praktikal di Terengganu dan tidak mahu pulang ke rumah sehingga Anita yang dihalau oleh Maysarah turut pulang. Konflik ini dapat diselesaikan apabila Maysarah sedar akan kesilapannya dan insaf. ②

X0

Awanis turut menghadapi konflik dengan bapa Anita yang menganggap Anita sebagai pembawa sial. Konfliknya dengan bapa Anita diselesaikan apabila ~~Anita~~ ^{Awanis} memarahi Encik Lee, ~~aa~~ bapa Anita dan menyatakan kesilapannya. ~~Anita~~ ^{Awanis} berani menyuarakan kebenaran dan dengan sikap inilah Awanis menyelesaikan konflik tersebut. ②

NOVEL JULIA

Watak utama dalam novel "Julia" karya Abu Hassan Morad telah menyelesaikan konflik yang dihadapinya dengan penuh kesabaran dan ketabahan. Semasa menerima berita tentang kematian ibu bapanya, Julia menerimanya dengan tabah dan dengan ketabahan itulah dia menemiskan kehidupannya bersama adik-adiknya. ①

Dalam menghadapi konflik iaitu semasa syarikatnya mengalami masalah kewangan, Julia menggunakan kebijaksanaanya. Dia sendiri telah menyiasat punca kepada masalah tersebut dan ~~mengajar~~ ^{mendapati} En. Baharom cuba melancarkan penyelewengan. ②

Julia juga menggunakan keberanian dalam menyelesaikan konflik dalam dirinya iaitu tidak yakin dengan kebolehannya mengendalikan syarikat ayahnya. Walaupun tidak mempunyai pengalaman, Julia tetap berani untuk mengunsmkan syarikatnya dan lantang ~~per~~ menyuarakan pendapatnya. Julia tidak takut ~~mana~~ menghadapi masalahnya dengan Syed Mustaffa yang inginkan butik milik syarikatnya. ②

Julia juga telah menjalankan kerjasama dengan 8 syarikat Jun dalam menghadapi menyelesaikan masalah dalam syarikat-kerjasama ini telah membawa keuntungan kepada kedua-dua syarikat. ②

NOVEL PUTERA GUNUNG TAHAN

b) Ratu Bongsu menyelesaikan konflik yang dihadapinya dengan tenang. Walaupun dia tahu bahawa Tuan William mempunyai niat jahat terhadap puncak gunung tahan, Ratu Bongsu tetap bersikap baik terhadap Tuan William. Setelah Ratu Bongsu tahu bahawa Tuan William menghantar surat kepada kerajaannya Ratu Bongsu dengan bijak mengatasi masalah. Ratu Bongsu buat tidak mengetahui perkara itu dan bersabar dengan sikap Tuan William; Ratu Bongsu dengan bijak menyuruh Tuan William pergi ke dalam bilikaya supaya Tuan William terperangkap di situ. Ratu Bongsu sengaja berbuat begitu supaya dapat memenangkannya Tuan William. Walaupun Puncak Gunung Tahan di bom dan digugurkan gas beracun Ratu Bongsu bersembunyi tenang dan tabah menghadapinya dan dia bersembunyi. Walaupun Mem William seorang yang pendendam namun Ratu Bongsu dengan secara rasional menyelesaikan masalah dengan menyelamatkan Mem William dan Ratu Bongsu tidak menyimpan perasaan dendam terhadap Mem William.

Kelemahan

Calon tidak memahami maksud soalan. Calon menjawab dalam bentuk nota ringkas. Calon memberi huraian yang tidak jelas. Calon memberikan huraian yang tidak lengkap. Calon menjawab konflik sahaja tanpa huraian. Calon tidak memahami kehendak soalan dan keliru dengan kehendak soalan yang memerlukan penyelesaian oleh watak utama. Pengolahan ayat dan bahasa lemah. Calon tidak menjelaskan nama watak utama dan tidak dapat membezakan watak utama dengan watak sampingan dalam novel yang dikaji. Calon mencampuradukkan watak utama dengan watak sampingan atau watak-watak lain. Calon memberikan maksud konflik dan huraian tetapi tidak memberikan cara penyelesaiannya. Calon memberikan cara penyelesaian yang bercanggah. Calon menggunakan nama penulis novel sebagai watak utama. Calon dapat memberikan penyelesaian konflik yang tepat tetapi watak salah. Calon tidak menjawab/ faham soalan. Fakta salah dan bahasa lemah serta tidak gramatis. Calon tidak faham maksud penyelesaian konflik. Calon membuat sinopsis dan memberikan fakta yang salah. Calon memberi pernyataan konflik tetapi huraian salah. Calon mencampuradukkan fakta tanpa pernyataan dengan sinopsis. Calon memberikan penyelesaian konflik yang tidak jelas. Sila rujuk empat contoh jawapan calon yang terdiri daripada novel Terminal Tiga, Konserto Terakhir, Julia dan Putera Gunung Tahan:

b) Berdasarkan novel Konserto Terakhir karya Abdullah Hussain watak utama di dalam novel tersebut ialah Hilmi. Hilmi menghadapi pelbagai konflik antaranya konflik dengan dirinya sendiri. Hilmi berperang dengan dirinya sendiri dia perlu pulang ke kampung atau patah balik ke Kuala Lumpur dan meneruskan kehidupannya. Hilmi akhirnya nekad untuk patah balik ke Kuala Lumpur dan bekerja di stesyen minyak. Konflik kedua yang dihadapi oleh Hilmi ialah konflik Hilmi dengan Datuk Johari. Hilmi tidak tahu bahawa Datuk Johari ialah ayah kandung sehingga Pak Karim mendedahkan perkara yang sebenar bahawa Hilmi ialah anak kepada Datuk Johari. Konflik ketiga adalah konflik konflik di antara Hilmi dan Azizah. Azizah sering cemburu akan Hilmi yang sering mengutus surat kepada Hayati walaupun mereka telah berkahwin. Azizah menyatakan bahawa dia tidak mahu menjalankan tanggungjawabnya sebagai seorang isteri dan ibu. Hilmi akhirnya menceraikan Azizah kerana tidak tahan akan perangai Azizah itu. X

~~Sesutan~~

b) Konflik merupakan perkara yang menarik dalam novel. Konflik yang dihadapi oleh Julia dapat diselesaikan dengan baik. Julia sentiasa sabar dan tabah dalam menghadapi konflik dalam dirinya apabila kematian ibu bapanya. ②

Julia ~~menyebut~~ bijak dalam mencari punca sesuatu masalah. Misalnya, ~~konflik~~ konfliknya dengan Encik Baharom tentang penjualan syarikat pengangkutan. Akhirnya, Julia dapat mengenal pasti punca berlakunya kekurangan pendapatan pada syarikat yang diterajui oleh Encik Baharom. ②

SARANAN KEPADA CALON

1. Banyakkan latihan.
2. Menguasai teknik menjawab soalan.
3. Luaskan pembacaan untuk kemahiran KBKK.
4. Peka dengan isu-isu semasa.
5. Menggunakan perkataan / ayat sendiri semasa menjawab soalan kefahaman.
6. Jumlah markah yang pada setiap soalan perlu dijadikan panduan sebelum memberi jawapan.
7. Memahami dengan jelas setiap arahan soalan.
8. Menguasai perbendaharaan kata dan tatabahasa.
9. Memahami konsep tersirat dalam semua soalan.
10. Menguasai sistem ejaan dengan baik.
11. Sentiasa merujuk Kamus Dewan.
12. Semua Teks Komponen Sastera mesti dibaca sepenuhnya.
13. Banyakkan membaca untuk menambahkan Kemahiran Berfikir.
14. Sentiasa merujuk kamus peribahasa agar dapat menguasai sepenuhnya peribahasa yang diuji.

SARANAN KEPADA GURU

1. Gunakan bahan pengajaran yang boleh menjana minda pelajar terutamanya penggunaan akhbardan majalah.
2. Sentiasa mengemaskini pengetahuan dan kemahiran sendiri.
3. Menguasai format dan peraturan permarkahan terkini. Aplikasikan.
4. Banyakkan latihan untuk memberi bimbingan lanjut berdasarkan Kemahiran **Berfikir**.
5. Sentiasa menggunakan kamus dalam pengajaran.
6. Sentiasa merujuk tatabahasa Dewan.
7. Perlu dimasukkan kaitan sastera yang meliputi kefahaman mengenai nilai, konflik, watak, perwatakan, persoalan dan sebagainya.
8. Soalan-soalan yang berbentuk kemahiran berfikir perlu diperbanyakkan supaya pelajar-pelajar dapat memberikan pendapat yang bernas.
9. Kepelbagaian kaedah dan teknik pengajaran.
10. Membentuk soalan peperiksaan dalaman yang lebih banyak kepada kemahiran berfikir.
11. Sentiasa mengikuti perkembangan bahasa terkini.
12. Sentiasa mengikuti isu-isu semasa untuk merangsang percambahan fikiran dan idea.
13. Menguasai sepenuhnya semua aspek dalam komponen sastera.
14. Menggunakan peralatan Teknologi Maklumat dalam pengajaran.
15. Memanfaatkan Laporan Prestasi Calon daripada Lembaga Peperiksaan Malaysia setiap tahun.
16. Mengadakan "Benchmarking" dengan Guru Cemerlang Bahasa Melayu daerah masing-masing.